

22 AUG 2001

Merdeka-Agama

ACARA KEAGAMAAN PERAYAAN BULAN KEMERDEKAAN MULAI JUMAAT

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Menteri Kebudayaan, Keseniaan dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini mahu seluruh rakyat Malaysia mengadakan acara keagamaan masing-masing berdoa memohon kesejahteraan dan kemakmuran negara, sempena perayaan Bulan Kemerdekaan.

Katanya satu acara keagamaan yang melibatkan semua agama yang ada di Malaysia akan diadakan mulai Jumaat ini dengan Solat Jumaat dan Bacaan Khutbah Khas Kemerdekaan, majlis tahlil dan doa selamat kemerdekaan di 6,000 masjid di seluruh negara.

"Kalau semua rakyat Malaysia, setiap daripada kita dengan cara kita pergi ke masjid, gereja, kuil, tokong dan bersembahyang, saya fikir semua kita akan selamat.

"Kalau kita keluar beramai-ramai dan berdoa cara kita masing-masing untuk mendapat perlindungan kemakmuran bagi negara kita pada masa hadapan... ini adalah satu cara yang tidak terdapat di mana-mana negara yang lain. Saya yakin Allah Taala SWT akan makbulkan," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini.

Abdul Kadir berkata bagi peringkat pusat, acara berkenaan akan diadakan di Masjid Negara dengan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kabinet beragama Islam akan menyertainya.

Di peringkat negeri pula, ia akan diadakan di masjid-masjid negeri dan diketuai oleh Sultan, Yang Dipertua Negeri, Menteri Besar dan Ketua Menteri serta anggota mesyuarat kerajaan negeri.

Abdul Kadir berkata pada Sabtu, penganut agama Buddha akan mengadakan acara sembahyang khasnya di Vihara Temple, Jalan Tum Sambanthan manakala penganut agama Kristian, acara keagamaan akan diadakan pada Ahad.

Katanya penganut fahaman Katholik, acara berkenaan akan diadakan di Gereja Katholik St John, Bukit Nanas manakala penganut fahaman Protestant, ia akan diadakan di Gereja St. Mary, Jalan Gereja.

Selepas itu, pada 30 Ogos penganut agama Sikh akan mengadakan sembahyang khasnya di dua tempat iaitu Gudwara Temple, Selayang dan Gudwara Temple, Sentul.

Sembahyang khas peringkat pusat bagi penganut agama Hindu akan diadakan di Kuil Sri Maha Mariaman, Jalan Bandar pada pagi 31 Ogos.

Abdul Kadir berkata Persatuan Ajaran Taoism, sembahyang khas sempena kemerdekaan akan diadakan pada 10 Sept di Sungai Buloh, Selangor.

Selain di peringkat pusat, semua gereja, kuil dan tokong di seluruh negara akan mengadakan sembahyang khas masing-masing pada tarikh yang telah ditetapkan.

-- BERNAMA

HS RZS RHM